



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

17 MEI 2019

DELEGASI MALAYSIA BERJAYA MENCAPAI MISI DI KONVENSYEN BASEL, GENEVA, SWITZERLAND

17 Mei 2019, PUTRAJAYA - Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Kerajaan Malaysia telah menyuarakan sokongan penuh terhadap keputusan The Fourteenth Session of the Conference of the Parties (COP 14) Persidangan Konvensyen Basel ke-14 yang berlangsung dari 29 April hingga 10 Mei 2019 di Geneva, Switzerland.

Walaupun tidak dibenarkan, Malaysia telah mengalami kemasukan "*mixed plastic waste*" yang tercemar, tidak berkualiti, tidak boleh dikitar semula serta sukar dilupuskan, maka delegasi Malaysia telah diberi tanggungjawab daripada Kerajaan untuk mengutarakan keperluan masyarakat dunia untuk bersama-sama menangani isu lambakan sisa plastik. Negara-negara pengeksport perlu lebih bertanggungjawab terhadap sisa plastik mereka.

Delegasi Malaysia telah berjaya mencapai misi pada persidangan kali ini dengan pindaan Konvensyen Basel yang akan mengawal pergerakan plastik dengan lebih ketat pada masa depan. Delegasi Malaysia adalah terdiri daripada wakil Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sebelum ini, sisa plastik yang diklasifikasikan di bawah Annex IX adalah kategori sisa yang tidak dikawal di bawah Konvensyen Basel (Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal) yang bertujuan untuk mengawal pergerakan buangan berbahaya merentas sempadan serta pelupusannya.

Bagi mengawal pergerakan sisa plastik secara menyeluruh, Kerajaan Norway telah mencadangkan agar sisa plastik disenaraikan di bawah Annex II, di bawah Konvensyen Basel iaitu kategori sisa yang memerlukan pertimbangan khas (*categories of wastes requiring special consideration*). Cadangan ini telah dirundingkan semasa COP 14 Konvensyen Basel pada 29 April hingga 10 Mei 2019 di Geneva, Switzerland.

Pindaan klasifikasi plastik di Konvensyen Basil adalah seperti yang berikut:

- a. Pada asalnya Annex IX hanya mengelaskan plastik tidak merbahaya tetapi tidak menjelaskan antara boleh kitar semula (*recyclable*) atau tidak boleh dikitar semula (*non-recyclable*).
- b. **Pindaan kepada Annexes:** Plastik telah dikelaskan kepada tiga kategori mengikut ciri-ciri yang berikut:
 - i. **Annex IX:** plastik tidak tercemar dan sedia untuk terus dikitar semula, seperti *PET flake* atau *pellet* dan tidak bercampur dengan plastik lain.
 - ii. **Annex II:** plastik tidak boleh dikitar semula tanpa proses pembersihan kerana tercemar dengan bahan asing seperti kertas, stiker, batu dan sebagainya, seperti botol PET.
 - iii. **Annex VIII:** plastik yang tercemar dengan bahan berbahaya seperti botol-botol PET yang mengandungi racun makhluk perosak.
 - iv. **NOTA:** Annex II dan VIII memerlukan '*prior informed consent*' (PIC) manakala Annex IX tidak memerlukan PIC.

Prosedur PIC di bawah Konvensyen yang dicadangkan memerlukan kebenaran dari negara pengimport terlebih dahulu sebelum sebarang pergerakan sisa plastik merentas sempadan dilakukan.

Pengawasan pergerakan sisa plastik menerusi prosedur ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 dalam kalangan 187 negara-negara parti kepada Konvensyen Basel.

Malaysia telah menyuarakan sokongan penuh kepada cadangan Kerajaan Norway untuk mengenakan kawalan ketat terhadap pengimportan sisa plastik. Cadangan ini turut mendapat pandangan positif dari kebanyakan negara khususnya negara-negara membangun yang kini boleh menetapkan kawalan dan memantau kemasukan sisa plastik mengikut spesifikasi dan kriteria di bawah konvensyen berkenaan.

Dalam tempoh itu, sebagai langkah proaktif, MESTECC turut bekerjasama secara aktif dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pengangkutan (MOT) bagi menyemak semula keperluan undang-undang dan prosedur import sisa plastik. Selain itu, penyeragaman dalam penguatkuasaan kawalan ke atas pengimportan sisa plastik perlu dimantapkan selaras dengan keputusan COP 14 Konvensyen Basel.

Di samping itu, Kementerian menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai Competent Authority to Basel Convention akan meneruskan pemeriksaan ke atas kontena-kontena yang mengandungi sisa plastik yang disyaki tercemar atau melakukan pengisytiharan palsu supaya tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya dapat dilakukan. Sekiranya kemasukan sisa plastik tidak mematuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan, arahan penghantaran semula kontena ke negara asal pengeksport akan dilakukan selaras dengan keperluan di bawah konvensyen.

Sehubungan dengan itu, lima buah kontena yang mengandungi sisa plastik tercemar yang sebelum ini melalui pengisytiharaan palsu, telah disekat kemasukannya ke negara ini oleh JAS dan dihantar pulang negara asal iaitu Sepanyol. Kelima-lima buah kontena tersebut telahpun sampai ke Sepanyol.

- TAMAT -

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Akmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan, MESTECC
03-88858299



